



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisam@moh.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/146 (71)JLD.83
Tarikh : 6 Januari 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Datin Paduka/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. I /2023:
MEMPERKUKUHKAN SURVELAN SARS-CoV-2 DAN
KESIAPSIAGAAN BERIKUTAN PENINGKATAN KES COVID-19
MENDADAK DI NEGARA CHINA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling bertujuan memaklumkan pelaksanaan pengukuhan surveilan SARS-CoV-2 berikutan peningkatan kes COVID-19 mendadak di Negara China serta polisi pembukaan sempadan negara tersebut.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah melaporkan 171,563 kes positif COVID-19 dengan 505 kes kematian dari 21 Disember hingga 27 Disember 2022. Secara kumulatif dari 3 Januari 2020 sehingga 27 Disember 2022, sejumlah 10,260,112 kes positif COVID-19 dengan 31,882 kes kematian COVID-19 yang dilaporkan di negara tersebut. (Sumber: Pertubuhan Kesihatan Sedunia - WHO).

- 2.2 Pihak WHO turut menyatakan kebimbangan mereka terhadap perkembangan semasa yang dilaporkan berlaku di negara China, yang melibatkan peningkatan mendadak kes COVID-19. Golongan pakar dan penyelidik di peringkat antarabangsa menjangkakan situasi ini akan berlaku susulan keputusan pihak berkuasa negara China sekitar awal Disember 2022 lalu untuk melaksanakan kelonggaran terhadap polisi pengurusan pandemik COVID-19 mereka yang ketat.
- 2.3 Berdasarkan maklumat dari media massa, Kerajaan Republik China akan membuka sempadan negara bermula 8 Januari 2023 di mana rakyat China dibenarkan mengembara ke luar negara.
- 2.4 Berikutan itu, penilaian risiko telah dijalankan dan mendapati Malaysia berisiko mengalami kemasukan varian baharu COVID-19 dan penularan di dalam negara. Penilaian ini mengambilkira situasi semasa COVID-19 di Negara China dan polisi negara Malaysia dalam pengurusan pandemik COVID-19 serta status liputan dos penggalak seperti berikut;
- a. Negara Malaysia telah membuka sempadan antarabangsa negara bermula pada 1 April 2022. Kemasukan pengembara ke Malaysia telah dilonggarkan di mana tiada keperluan ujian COVID-19 pra-pelepasan dan tiada saringan semasa ketibaan di negara;
 - b. tiada kuarantin dikenakan ke atas pengembara yang masuk ke Malaysia; dan
 - c. liputan vaksinasi COVID-19 bagi populasi Malaysia untuk dos penggalak pertama hanya 49.8% dan dos penggalak kedua hanya 1.9%

- 2.5 Sehubungan dengan itu, surveilan SARS-CoV-2 di Malaysia perlu diperkukuhkan bagi pengesanan awal kemungkinan kemasukan varian baharu dan peningkatan kes COVID-19.
- 2.6 Selain itu, langkah-langkah pencegahan ke atas kumpulan rentan, rawatan bagi kes COVID-19 dan aktiviti advokasi serta komunikasi risiko perlu terus dipertingkatkan.
- 2.7 Untuk makluman juga, langkah-langkah pencegahan dan kawalan kesihatan awam ini akan disemak semula dari semasa ke semasa bergantung kepada maklumat terkini dan penilaian risiko (*risk assessment*) yang dijalankan.

3. PENGUKUHAN SURVELAN SARS-CoV-2

3.1 Survelan *Influenza-like Illness* (ILI) dan *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) Berasaskan Makmal Di Klinik Dan Hospital Sentinel

- 3.1.1 Pengambilan sampel bagi kes ILI di 59 buah klinik sentinel diteruskan. Sampel ILI dihantar ke Makmal Kesihatan Awam seperti yang telah ditentukan untuk ujian PCR dan seterusnya melakukan penjujukan genom (WGS) sekiranya positif COVID-19.
- 3.1.2 Pengambilan sampel bagi kes SARI di 18 buah hospital sentinel juga diteruskan mengikut kriteria surveilan sedia ada. Sampel SARI dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) untuk ujian PCR dan seterusnya melakukan penjujukan genom (WGS) sekiranya positif COVID-19.

3.2 Pengukuhan Pengesanan COVID-19 Dalam Kalangan Kes ILI Di Fasiliti Kesihatan Primer Dan Kes SARI Di Hospital

3.2.1 Semua kes ILI yang mempunyai sejarah perjalanan ke Negara China dalam tempoh 14 hari terakhir, atau mempunyai sejarah kontak dengan individu yang mempunyai sejarah perjalanan ke Negara China dalam tempoh 14 hari terakhir hendaklah dibuat ujian RTK-Ag COVID-19.

3.2.2 Sekiranya keputusan ujian RTK-Ag positif COVID-19, kaset positif tersebut dihantar ke makmal penjujukan genom SARS-CoV-2 mengikut aturan surveilan seperti di Lampiran 1 dan lokasi makmal seperti di Lampiran 2, bagi ujian PCR dan seterusnya penjujukan genom sekiranya positif COVID-19 dengan nilai Ct ≤ 30 .

3.2.3 Semua kes SARI yang dimasukkan ke hospital dengan sejarah perjalanan ke Negara China dalam tempoh 14 hari terakhir, atau mempunyai sejarah kontak dengan individu yang mempunyai sejarah perjalanan ke Negara China dalam tempoh 14 hari terakhir hendaklah dijalankan ujian PCR bagi pengesanan COVID-19 di hospital terbabit.

3.2.4 Sekiranya ujian PCR positif COVID-19 dengan nilai Ct ≤ 30 , maka sampel tersebut perlu dihantar ke makmal penjujukan genom SARS-CoV-2 yang telah ditetapkan mengikut hospital atau negeri seperti di Lampiran 3 untuk penjujukan genom.

3.3 Survelan SARS-CoV-2 dalam Air Kumbahan Dari Pesawat

3.3.1 Sampel air kumbahan diambil dari pesawat antarabangsa termasuk pesawat dari negara China dan dihantar ke MKAK untuk ujian PCR.

3.3.2 Jika ujian PCR didapati positif COVID-19 dan nilai Ct ≤ 30 , maka penjujukan genom perlu dibuat.

3.3.3 Tujuan persampelan dari pesawat ini adalah untuk pengesanan awal kemasukan varian baharu ke Malaysia bagi KKM meningkatkan aktiviti pencegahan dan pengawalan penularan jangkitan COVID-19.

4. MELINDUNGI KOMUNITI MELALUI PEMBERIAN VAKSIN TERMASUK KUMPULAN RENTAN DAN BERISIKO TINGGI

4.1 Meningkatkan akses kepada vaksin COVID-19 dengan menawarkan pemberian vaksin secara **walk-in** (tanpa perlu membuat janji temu terlebih dahulu) di Klinik Kesihatan dan hospital KKM bermula 9 Januari 2023 bagi **kumpulan rentan dan berisiko tinggi** seperti:

- i. Kes dengan komorbiditi termasuk penyakit kronik; atau
- ii. Warga emas berumur 60 tahun dan ke atas; atau
- iii. Individu berisiko mendapat gejala teruk dan komplikasi jangkitan COVID-19.

4.2 Bagi mereka yang belum melengkapkan dos primer atau dos penggalak, janji temu boleh dibuat melalui MySejahtera atau menghubungi Klinik Kesihatan berhampiran.

4.3 Pemberian ubat antiviral Paxlovid® (nirmatrelvir/ritonavir) kepada pesakit COVID-19 hendaklah diteruskan mengikut garis panduan sediada iaitu *Annex 2e : Clinical Management Of Confirmed COVID-19 Case In Adult and Paediatric* yang boleh didapati di laman sesawang <https://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm>.

4.4 Perlu memastikan bekalan vaksin dan antiviral mencukupi dan diuruskan dengan baik.

5. ADVOKASI DAN KOMUNIKASI RISIKO

- 5.1 Aktiviti advokasi dan komunikasi risiko berkaitan penyakit COVID-19 termasuk vaksinasi dan rawatan perlu dipertingkatkan di peringkat masing-masing untuk semua lapisan masyarakat.
- 5.2 Bahan advokasi dan pendidikan kesihatan boleh diperolehi daripada laman sesawang KKM serta kenyataan akhbar KKM yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

6. SARINGAN KE ATAS PENGEMBARA DI PINTU MASUK ANTARABANGSA NEGARA

- 6.1 Saringan pengembara yang baru mendarat termasuk dari negara China, sama ada menaiki pesawat mahupun kapal akan melalui saringan demam menggunakan *thermal scanner* di semua pintu masuk antarabangsa negara (PMA).
- 6.2 Pengembara yang dikesan demam atau bergejala, atau melalui membuat pengisytiharan sendiri (*self declaration*) atau rujukan sendiri (*self referral*) akan dibuat pemeriksaan lanjut bagi mengesahkan suhu badannya dan saringan gejala ILI. Swab tekak perlu dilakukan ke atas mereka yang bergejala dan dibuat ujian RTK-Ag COVID-19.
- 6.3 Sekiranya keputusan ujian RTK-Ag positif COVID-19, tatacara dalam Para 3.2.2 di atas hendaklah dipatuhi.
- 6.4 Pengembara yang dikesan positif COVID-19 hendaklah diuruskan mengikut Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020 (ANNEX 2 : Management of Suspected, Probable and Confirmed COVID-19 - kk 05/04/2022). Manakala sekiranya pengembara didapati negatif COVID-19, tetapi bergejala dinasihatkan agar memakai pelitup muka terutama apabila berada di tempat orang ramai, perhimpunan atau tempat sesak.

7. TARIKH KUATKUASA

Arahan dalam Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh surat ditandatangani.

8. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada:

Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan)
Bahagian Kawalan Penyakit
Aras 6, Blok E10, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

No tel: 03 – 8883 4118 / 4145
No Faks : 03-8881 0400 / 0500


9. PENUTUP

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato' Paduka/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan mengenai arahan dan isi kandungan Surat Pekeliling ini kepada para pegawai yang berkaitan di bawah tanggungjawab masing-masing. Komitmen semua pihak dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,


(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan
Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Menteri Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Timbalan Menteri Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

A. EDARAN DALAMAN

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)
- Tuan adalah dimohon untuk membuat edaran kepada Makmal Penjujukan Genom SARS-CoV-2 (Konsortium WGS) yang terlibat seperti di Lampiran 2 dan 3

Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK)

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri N. Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

B. EDARAN LUARAN

Ketua Pengarah
Majlis Keselamatan Negara

Ketua Pengarah
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri

Setiausaha Kehormat
Persatuan Perubatan Malaysia
(*Malaysian Medical Association; MMA*)

Presiden
Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM)


Presiden
Persatuan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM)

Presiden
Federation of Private Medical Practitioners' Association of Malaysia
(FPMPAM)

Presiden
Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM)

LAMPIRAN 1

Carta Alir Prosedur Permohonan dan Penghantaran Kaset COVID-19 RTK-Ag Positif bagi Survelan Genomik SARS-CoV-2



LAMPIRAN 2

Lokasi Makmal Penjujukan Genom SARS-CoV-2 bagi Penghantaran Kaset COVID-19 RTK-Ag Positif dari Klinik Kesihatan bagi Individu dengan Sejarah Perjalanan dari China atau Kontak Rapat

Bil	Negeri / Wilayah Persekutuan (WP)	Makmal Penjujukan Genom SARS-CoV-2
1	Perlis	Tropical Infectious Diseases Research & Education Centre (TIDREC), Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur
2	Kedah	
3	Pulau Pinang	Integrative Pharmacogenomics Institute (iPROMISE), UiTM Puncak Alam Campus, Bandar Puncak Alam, 42300 Puncak Alam, Selangor
4	Perak	Makmal Kesihatan Awam Ipoh, Lot 39052, Jalan Jelapang, 30020 Ipoh, Perak
5	PKD Hulu Langat, Selangor	Malaysia Genome & Vaccine Institute (MGVI), Jalan Bangi, 43000 Kajang, Selangor
6	PKD Gombak, Selangor	Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK), Lot 1853, Kg. Melayu, 47000 Sungai Buloh, Selangor
7	Selangor (selain PKD Hulu Langat dan PKD Gombak)	Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) NIH, Jalan Setia Murni U13/52, Seksyen U13 Setia Alam, 40170 Shah Alam, Selangor
8	WP Kuala Lumpur & Putrajaya	
9	Melaka	
10	Johor	
11	Kelantan	
12	Terengganu	
13	Pahang	
14	Negeri Sembilan	Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM), Persiaran Mardi - UPM, 43400 Serdang, Selangor
15	Sarawak	Institute of Health & Community Medicine (IHCM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300 Kota Samarahan, Sarawak
16	Sabah	Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu (MKA KK), Jalan Kolam, Bukit Padang, 88850 Kota Kinabalu, Sabah
17	WP Labuan	

LAMPIRAN 3

Lokasi Makmal Penjujukan Genom SARS-CoV-2 bagi Penghantaran Sampel Kes sARI Positif COVID-19 RT-PCR dari Hospital bagi Individu dengan Sejarah Perjalanan dari China atau Kontak Rapat

Bil	Negeri / Wilayah Persekutuan (WP) / Hospital	Makmal Penjujukan Genom SARS-CoV-2
1	Perlis	Tropical Infectious Diseases Research & Education Centre (TIDREC), Universiti Malaya
2	Kedah	
3	Pulau Pinang	Integrative Pharmacogenomics Institute (iPROMISE), UiTM
4	Perak	Makmal Kesihatan Awam Ipoh (MKAI)
5	Kelantan	Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)
6	Pahang	Sultan Ahmad Shah Medical Centre @IIUM (SASMEC @IIUM)
7	Terengganu	
8	Melaka	UKM Medical Molecular Biology Institute (UMBI)
9	Johor	
10	Sarawak	Institute of Health and Community Medicine (IHCM), UNIMAS
11	Sabah	Universiti Malaysia Sabah (UMS) / Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu (MKA KK)
12	WP Labuan	
13	Negeri Sembilan	Hospital Pengajar UPM (HPUPM)
14	Institut Kanser Negara (IKN), WP Putrajaya	
15	Hospital Sungai Buloh, Selangor	Malaysia Genome & Vaccine Institute (MGVI)
16	Hospital Ampang, Selangor	
17	Hospital Selayang, Selangor	
18	Hospital Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur	Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) NIH
19	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Selangor	